

SEKSIS ATAU SOSIALISASI: SATU INTERPRETASI MAKNA BERDASARKAN PERIBAHASA MELAYU

Dr. Nor Hashimah Jalaluddin

1.0 Pendahuluan

SEKSIS MENJADI bahan perbincangan hebat sejak akhir-akhir ini. Seksis menjadi topik yang sensasi bermula di barat dan malah turut menjadi bahan perbincangan di rantau ini¹. Yang dimaksudkan dengan seksis ialah apa sahaja perkataan atau pengucapan yang memang nyata menunjukkan unsur bias terutamanya pada golongan wanita. Unsur bias ini amat jelas berdasarkan pemilihan perkataan, sama ada secara eksplisit mahupun implisit.

Jika definisi ini diambil kira, maka memang tidak dinafikan unsur seksis ini nyata ada pada bahasa Melayu. Lihat saja pepatah petiti Melayu. Unsur-unsur seksis ini akan terserlah pada peribahasa, perumpamaan, pantang larang dan lain-lain pengucapan klasik. Persoalannya sekarang, adakah penggubahan tiap pepatah Melayu ini memang bertujuan untuk menghina kaum wanita. Adakah persepsi lebih barat boleh disamakan dengan persepsi lelaki timur terhadap wanita? Atau mungkinkah ada sebab yang rasional kepada kenapa lahirnya pepatah seumpamanya itu.

Kertas ini akan melihat bahasa seksis dari sudut pandangan semantik dan pragmatik. Analisis yang berdasarkan interpretasi makna akan menjawab persoalan seksis terutama bagi data-data yang menggunakan ungkapan implisit. Kemudian interpretasi makna pepatah ini akan dikaitkan dengan pemikiran masyarakat Melayu.

¹ Seminar “Kedudukan, Citra dan Identiti Wanita: Zaman Kolonial telah dianjurkan oleh Institut Alam dan Tamadun Melayu. Kesemua kertas kerja membicarakan sumbangan, peranan dan kedudukan wanita pada zaman kolonial.

1.1 Permasalahan Kajian

Masyarakat Melayu memang kaya dengan pepatah petitihnya. Apa yang lebih menarik ialah, kebanyakan pepatah ini disampaikan dengan gaya implisit dengan harapan dapat memenuhi kehendak masyarakat yang sopan dan tertib. Dengan erti kata yang lain, apa yang diungkapkan secara tersurat pastinya mempunyai makna tersirat yang melatarinya. Bukti kukuh dapat dilihat contohnya daripada perumpamaan, peribahasa dan pantang larang. Memandangkan menariknya pepatah petitih ini, maka banyak kajian telah dilakukan khususnya menerangkan tentang perkara ini.

Kajian-kajian yang pernah dilakukan mengenai pepatah petitih² ini termasuklah kajian daripada pengkaji tempatan dan juga luar. Antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh A.W. Hamilton (1947), Shellabear (1961), Za'ba (1965), Asmad (1990), Mohd. Adnan Mohd. Ariffin (1992), Abdullah Hussain (1995) dan ramai lagi. Apa yang jelas dalam kajian mereka ini ialah semua peribahasa dan kemudiannya diberikan makna peribahasa yang berpadanan. Namun begitu ada juga penjelasan terutama daripada Za'ba (1965) dalam usaha membezakan di antara peribahasa, perumpamaan, kias ibarat, tamsil dan sebagainya.

Persoalannya sekarang adakah mencukupi dengan usaha pencinta ilmu menyenaraikan sahaja peribahasa ini? Kertas ini ingin mencadangkan penyingkapan dengan lebih mendalam maksud, pengajaran dan falsafah di sebalik peribahasa Melayu ini. Kertas ini juga akan mengaitkan dengan pemikiran masyarakat Melayu itu sendiri. Cara yang terbaik untuk menyingkap pemikiran yang terkandung dalam peribahasa Melayu adalah melalui ilmu pentafsiran makna. Teori relevans yang berkisar tentang konteks, kesan konteks dan usaha memproses maklumat akan diterapkan. Teori ini akan mampu menjelaskan bagaimana pemilihan perkataan akan membantu pendengar memahami dengan lebih lanjut serta menyelami makna implisit yang cuba disampaikan.

² Saya ingin menyempitkan skop konsep pepatah petitih itu kepada peribahasa sahaja. Sebenarnya cakupan pepatah petitih itu amat luas termasuklah simpulan bahasa, peribahasa, perumpamaan, pantang larang, kias ibarat dan sebagainya. Memandangkan kajian ini merupakan kajian ringkas, adalah wajar jika skop dan korpus dipilih mengenai peribahasa sahaja.

1.2 Pentakrifan Istilah

Beberapa istilah penting akan dihuraikan di sini. Antaranya seksis, peribahasa, dan teori relevans.

1.2.1 Istilah ini menjadi begitu hangat pada tahun 90-an. Konsep-konsep feminisme dan gender selalu dikaitkan dengan perkataan seksis itu sendiri. Anne Powells (1991) telah mendefinisikan seksis sebagai bahasa yang membayangkan *bias* atau sikap berat sebelah kepada sesuatu genus. Dan pada kebiasaannya sikap ini lebih cenderung bersikap tidak adil dan memberikan konotasi negatif kepada kaum wanita. Ia juga mengekalkan stereotaip yang negatif dan nilai sosial yang secara umum merugikan atau merendahkan kaum wanita.

Pendapat tentang seksis juga diulas oleh Rokhana Bibi Abdullah (1998) dengan memetik pendapat Kristen Gomard (1995) tentang ciri-ciri seksis. Ciri-ciri seksis adalah seperti berikut:

- i. Bahasa yang memperlakukan atau menganggap kaum wanita dan kaum lelaki tidak sementri.
- ii. Bahasa yang mengabaikan kaum wanita.
- iii. Bahasa yang mengutuk atau mengecam kaum wanita.
- iv. Bahasa yang menstereotaipkan golongan wanita (sebagai golongan yang lemah, golongan yang harus berada di dapur atau sebagai suri rumah dan sebagainya).

1.2.2 Peribahasa

Mengikut Za'ba (1965), peribahasa boleh mencakup perumpamaan, pepatah, bidalan perbilang dan lidah pendeta. Za'ba turut membahagikan peribahasa tersebut kepada dua jenis iaitu peribahasa yang mempunyai erti selapis dan peribahasa yang mempunyai makna dua lapis.

Shellabear merupakan pengkaji barat yang turut berminat mengkaji perbahasa. Dalam bukunya, *Kitab Kiliran Budi* (1961), Shellabear lebih menumpukan pada usaha penyenaian dan penggolongan peribahasa kepada fungsi-fungsi sosial tertentu. Antara penggolongan terhadap perumpamaan yang telah dilakukan oleh Shellabear ialah berkenaan kaum keluarga dan isi rumah, berkenaan mencari kehidupan, berkenaan tuah dan malang, berkenaan kesenangan dan kesusahan dan akhir sekali berkenaan berbagai-bagai kelakuan dan keadaan serta perbandingan.

Apa yang nyata ialah banyak kajian yang telah dilakukan pada peribahasa ke hari ini. Tulisan-tulisan ini lebih merupakan penyenaian dan ulasan ringkas mengenai peribahasa kecuali satu tulisan oleh saya sendiri. Tulisan saya³ walaupun ringkas tetapi menganalisis pemikiran masyarakat Melayu dan ketajaman masyarakat dahulu kerana berjaya mengaitkan peribahasa dan alam sekeliling mereka dengan ilmu-ilmu saintifik seperti biologi, fizik, genetik, graviti, hidrologi dan sebagainya.

1.2.3 Teori Relevans⁴

Teori ini yang menyangkut komunikasi dan kognisi mampu membantu kita memahami ujaran yang dihasilkan dengan sistematik dan saintifik. Teori ini menuntut tanggungjawab yang amat berat di pihak penutur kerana teori ini berpendapat penuturlah punca penyebaran maklumat. Dengan mengeluarkan ujaran, penutur dengan secara tidak langsung menuntut perhatian daripada pendengar. Pendengar hanya akan memberikan perhatian kepada apa yang dipercakapkan, jika ia berbaloi dengan usaha yang diberikan. Di sini jelas iaitu jika ujaran kita hendak mendapat respons yang baik daripada pendengar dan seterusnya menjadi relevans, maka penutur haruslah memastikan ujarannya

³ Arikel saya bertajuk, *Bahasa Melayu Bingkai Pemikiran Masyarakat Melayu* diterbitkan dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, November 1988.

⁴ Saya akan menyentuh sambil lalu sahaja kerana saya telah banyak membincangkan teori ini dalam tulisan-tulisan terdahulu terutama dalam *Jurnal Dewan Bahasa*.

memenuhi tuntutan itu. Ini selari dengan prinsip relevans tulisan Sperber dan Wilson (edisi kedua, 1995).

Prinsip Utama Relevan:

Andaian Asas: Kognisi manusia berorientasikan relevan. Pendengar selalunya akan menumpukan perhatian kepada maklumat yang relevan dengan dirinya.

Kesannya: Dengan meminta perhatian, penutur akan mencipta segala pengharapan yang relevan. Interpretasi yang terbaik adalah interpretasi yang dapat mematuhi pengharapan ini.

Satu kelebihan teori ini berbanding dengan teori pragmatik lain adalah keupayaan penciptanya menyelesaikan masalah bahasa figuratif. Kegagalan Grice (1967) melalui maksimnya menjelaskan masalah bahasa figuratif seperti metafora, hiperbola, ironi dan sebagainya telah diatasi oleh Sperber dan Wilson (1995)⁵. Dalam bab 4 buku, *Relevance Theory: Communication and Cognition*, penulis telah membicarakan mengenai bahasa tersurat dan tersirat. Memandangkan peribahasa banyak mengandungi mesej yang tersirat, maka teori ini dianggap amat sesuai untuk diterapkan.

1.3 Pemaparan Data

Sejumlah data peribahasa akan disenaraikan di bawah melicinkan lagi perbincangan. Memandangkan tajuk kertas ini menyentuh mengenai seksis, maka data-data yang dipilih secara terang-terang mencerminkan seksis dan data implisit yang tidak menggunakan kata-kata seksis tetapi sebenarnya bermaksud khusus untuk wanita.

⁵Teori ini mula dicipta pada tahun 1986 oleh D.Sperber & D. Wilson. Teori ini telah dikemaskinikan dan diterbitkan semula pada tahun 1995. Apa yang diperbaiki hanyalah prinsip asas teori Relevans sementara konsep-konsep asas masih kekal seperti biasa.

Data Seksis Nyata

- a. ibu ayam
- b. ibu keladi
- c. bagai harimau beranak muda
- d. singa betina
- e. bunga dedap
- f. permata cacat
- g. segar dipakai layu dibuang

Data Seksis Tidak Nyata

- a. juadah sudah dijilat cicak
- b. bagai biawak mengulangi bangkai
- c. bagai murai dicabut ekor
- d. beban sudah di pintu
- e. dicecah orang bagai garam
- f. kelapa ditebuk tupai
- g. perigi mencari timba
- h. mengerami telur orang
- i. buah macang dimakan kelarah, di luar baik busuk di dalam
- j. sumur di tepi jalan, siapa haus boleh minum⁶.

Ini adalah sebahagian daripada peribahasa yang mengandungi unsur seksis di dalamnya. Jelasnya ada yang tersurat dan ada juga yang tersirat. Rokhana Bibi Abdullah dalam artikelnya yang termuat dalam Jurnal Dewan Bahasa (1998), yang berjudul, Unsur-unsur Seksis dalam Bahasa Melayu, ada membincangkan peribahasa dan seksis. Rokhana sekadar melontarkan idea mengenai seksis dan pemilihan perkataan yang dipakai dalam peribahasa memang jelas memperlihatkan unsur-unsur seksis⁷.

⁶ Sila lihat Abdullah Husain (1995), dan Mohd. Adnan Mohd. Ariffin mengenai senarai peribahasa Melayu. Data yang tersenarai di atas hanyalah sebahagian kecil daripada peribahasa keseluruhannya.

⁷ Kajian ini agak berlainan dengan kajian Rokhana. Kajian ini ingin menunjukkan bagaimanakah penggubah peribahasa menganalogikan perkataan-perkataan dalam peribahasa itu sebagai wanita dan dapat diterima masyarakat umum.

Persoalannya sekarang ialah bagaimanakah penentuan seksis bagi peribahasa yang tersirat dapat dikategorikan seksis juga. Umpamanya adalah jelas untuk melihat ibu ayam, ibu keladi sebagai seksis kerana makna dan pemilihan perkataannya jelas mencerminkan penghinaan kepada wanita. Tetapi bagaimana pula dengan peribahasa yang mempunyai makna tersirat yang juga mempunyai unsur seksis. Tetapi kali ini pemilihan perkataan tidak mampu membantu pembaca memahaminya. Memanglah tidak dapat dinafikan bahawa pengertian makna peribahasa telah ditetapkan dan tidak boleh diubah lagi. Ia merupakan bahan dokumentasi yang tidak boleh dipersoalkan lagi kewibawaannya malah ketrampilannya kekal hingga ke hari ini.

Di sinilah munculnya kepentingan teori relevans dalam membantu mencungkil kepada mengapa pengertian yang seumpama itu yang diberikan. Apakah justifikasi yang boleh diberikan sehingga terhasillah makna peribahasa yang seumpama itu. Adakah mungkin adanya perkaitan di antara pemilihan perkataan dengan konteks di sekeliling mereka. Persoalan-persoalan ini akan dapat dijawab dengan baik berdasarkan analisis teori relevans.

1.4 Penerapan Teori Revelan

Mengikut Sperber dan Wilson, sesuatu ujaran yang hendak dikomunikasikan itu harus mempunyai sifat-sifat yang jelas dan nyata (*manifest*). Apabila andaian daripada ujaran yang dihasilkan mudah ditangkap atau dikesan oleh individu, dan banyak bukti yang melatarinya, maka ujaran itu dapat dianggap sebagai ujaran yang bermanifestasi. Dalam komunikasi, persekitaran kognitif (*cognitive environment*) harus diambil kira. Persekitaran kognitif bagi individu adalah set-set fakta yang dapat dimanifestasikan kepada individu yang terlibat dalam perbualan. Perlu diingat bahawa sifat manifestasi ini mempunyai darjah yang tersendiri dan darjah inilah nanti yang akan menentukan kerelevanan sesuatu ujaran yang dikomunikasikan.

Selain daripada ciri manifestasi dan persekitaran kognitif, konsep-konsep utama yang menyokong prinsip relevans seperti konteks, kesan konteks dan usaha memproses maklumat harus diambil kira. Tiga lagi sub-gagasan seperti pengayaan,

penyahtaksan dan pemilihan rujukan akan turut digunakan bagi menyelesaikan masalah penginterpretasian makna.

Empat data akan dipilih dan dianalisis mengikut acuan teori relevans. Antara apa yang bakal dicungkil keluar dari bagaimana peribahasa yang mempunyai makna tersirat dan tidak memilih perkataan yang cenderung seksis mampu dianalisis dan disahkan keseksisannya. Bagaimana pemilihan perkataan pada peribahasa itu dapat membantu kita yakin dengan makna yang diberikan. Dengan kata yang mudah, bagaimanakah masyarakat Melayu boleh mengaitkan pemilihan perkataan pada peribahasa dengan maksud peribahasa itu sendiri. Kita lihat beberapa contoh di bawah dan bagaimana teori relevans dapat diterapkan pada data-data.

Contoh data seksis nyata⁸.

a) ibu ayam.

Maknanya

Ketua perempuan yang mengepalai sindiket pelacur.

Analisisnya:

Makna peribahasa ini adalah bersifat tersurat. Apa yang dimaksudkan dengan tersurat ialah peribahasa ini terus merujuk pada kaum wanita. Umum mengetahui bahawa perkataan ibu sudah semestinyalah merujuk kepada kaum perempuan. Bagaimana pula dengan ibu ayam yang terus boleh diterima sebagai *ibu kepada pelacur*. Konteks sekeliling masyarakat Melayu yang berlatarkan budaya pertanian memasukkan penternakan ayam sebagai satu aktiviti harian yang biasa. Begitu juga itik, kambing, lembu kerbau dan sebagainya. Dari pemerhatian mereka, cara ibu-ibu ayam mengawal anak-anak ayam jauh berbeza dengan cara ibu-ibu binatang ternakan lain mengawal anak mereka. Ibu ayam akan menyerang siapa sahaja yang mengganggu anak mereka. Keselamatan dikawal rapi. Berdasarkan konteks sebagai maklumat awal masyarakat Melayu, ia boleh diperkuatkan lagi dengan apa yang berlaku dalam dunia pelacuran itu sendiri. Cara ibu ayam itu sendiri mengawal pelacur-pelacurnya memang menyamai sifat ibu ayam yang sebenarnya. *Bouncer* diupah demi

keselamatan dan ketaatsetiaan pelacuran-pelacuran ini. Tiada siapa yang dapat melepaskan diri dengan mudah. Malah kawasan yang dikenali sebagai *kawasannya* dikawal rapi supaya tiada sindiket lain yang boleh menembusnya. Dengan persamaan ciri inilah, maka peribahasa itu dapat dikaitkan dengan dunia pelacuran. Memandangkan kesan konteks yang kukuh beserta usaha memproses maklumat itu mudah, maka ini sudah tentu dapat membantu pendengar mengaitkan dengan makna yang sedia ada.

Data seksis yang tidak nyata.

b) bagai murai tercabut ekor.

Maknanya:

Perempuan yang suka bercakap banyak

Analisisnya:

Murai adalah seekor burung dan amat terkenal dengan keriuhan mulutnya. Dari segi konteks masyarakat Melayu yang berlatarkan hidup bertani dan berlaut, kehadiran burung murai adalah merupakan satu perkara yang biasa. Analisis ini tidak terhenti setakat ini sahaja. Sifat murai yang bising itu dikaitkan pula dengan perangai kaum wanita yang ada umumnya lebih kuat berleter berbanding kaum lelaki. Pembentukan kesan konteks terbina di sini dengan cara penguatan maklumat⁹. Selain daripada kesan konteks yang diperhatikan, usaha memproses maklumat juga mempunyai peranan yang penting. Perkataan murai adalah mudah diproses. Mudah diproses di sini bermaksud mudah difahami, dapat dikaitkan dengan persekitaran pendengar serta bersifat manifestasi. Masyarakat Melayu zaman dahulu tidak akan mempunyai masalah dengan perkataan murai itu sendiri. Memandangkan kesan konteks tinggi dan usaha memproses maklumatnya rendah maka masyarakat Melayu dapat menerima peribahasa ini. Perempuan yang bertindak sebagai ibu serta pendidik kepada anak-anak sudah tentu lebih banyak mengeluarkan arahan dan nasihat berbanding dengan bapa. Sebab itu jika ibu berleter adalah lebih dapat diterima

⁸ Hanya satu contoh data seksis nyata yang diuraikan memandangkan masalah memahaminya adalah lebih mudah berbanding dengan peribahasa yang implisit seksisnya.

⁹ Penguatan maklumat ialah apabila maklumat awal pada penutur dapat disahkan dengan apa yang berlaku pada persekitaran kognitif mereka. Sifat murai yang kononnya serupa dengan sifat wanita telah menyebabkan berlakunya penguatan maklumat dan seterusnya membentuk kesan konteks.

dalam masyarakat Melayu berbanding dengan bapa. Sesungguhnya ibu dan bapa mempunyai hubungan saling melengkapi dalam mendidik anak-anak.

- c) perigi mencari timba
- lesung mencari alu
- ulam mencari sambal

Maknanya;

Analisisnya:

Ketiga-tiga peribahasa di atas mempunyai maksud yang sama. Mengapakah makna ini yang dihasilkan. Bagaimana dapat dikaitkan dengan watak perempuan dan lelaki sedangkan tiada langsung secara eksplisitnya kata-kata yang menggambarkan watak manusia lelaki dan perempuan di situ. Tambah lagi makna yang hendak disampaikan adalah makna tersirat. Pembaca sendiri dapat mengesahkannya. Tetapi yang menarik pula adalah konsensus masyarakat dulu yang akur dengan makna yang diberikan.

Perigi, lesung dan ulam adalah perkara yang berpasangan. Ada perigi mestilah ada pencedoknya, ada lesung mestilah ada penumbuknya dan ada ulam mestilah ada sambalnya. Hubungan antara pasangan ini adalah hubungan yang melengkapi. Tiap satu tidak boleh berfungsi sendiri. Jika bolehpun akan bersifat hambar dan tawar. Namun demikian tiap satunya mesti mengikut peraturan alam. Tidak masuk akal bagi perigi untuk mencari timba, begitu juga lesung mencari alu dan ulam mencari sambal. Mengikut hukum alam yang biasa, perkara yang sebaliknya adalah yang mesti berlaku. Peraturan tidak bertulis ini dikaitkan dengan kehidupan masyarakat Melayu itu sendiri.

Betapa mustahilnya untuk perigi berjalan mencari timba diibaratkan samalah betapa mustahilnya seorang perempuan itu mencari lelaki. Dalam lingkungan kehidupan masyarakat dulu dan hingga sekarang adalah menjadi satu amat janggal dan kurang dapat diterima jika hal ini berlaku. Sungguhpun mempunyai anak dara yang masih belum berkahwin, ibubapa tetap menjaga adab sopan ketimuran apabila soal jodoh diperkatakan. Namun untuk *mengiklankan* anak waima pada kawan baik

sendiripun yang mempunyai anak lelaki tidak akan dilakukan. Gambar kemustahilannya adalah sama seperti ketiga-tiga peribahasa di atas¹⁰.

Dalam peribahasa di atas, kebijaksanaan orang-orang Melayu memilih perkataan seperti perigi, lesung dan ulam berjaya membantu pendengar untuk memproses makna peribahasa ini dengan mudah. Walaupun mesej yang hendak disampaikan adalah tersirat tetapi penampilan perkataan yang digunakan sehari-hari berserta analogi yang tepat menyebabkan peribahasa ini terus kekal digunakan hingga ke hari ini. Mengikut teori relevan, konteks masyarakat penutur dan pendengar adalah sangat penting agar apa yang hendak disampaikan berbaloi dengan usaha yang telah dicurahkan oleh kedua-dua pihak. Dengan berbekalkan penggunaan perkataan sehari-hari pendengar dapat memproses maksud yang hendak disampaikan dengan mudah. Dengan erti kata lain, penggunaan perkataan yang jelas dan nyata (manifestasi) serta mudah dikaitkan dengan persekitaran kognitif pendengar dan seterusnya mengizinkan kesan konteks dihasilkan dengan mudah. Mengikut teori ini lagi, lebih banyak kesan konteks yang dapat dihasilkan maka makin relevanlah sesuatu ujaran. Sebab itulah walau implisit mana sesuatu peribahasa itu jika pemilihan perkataannya dapat dijangkau oleh pemikir pendengar, maka peribahasa itu akan dianggap relevan.

Jelas kepada kita bahawa setiap pembentukan peribahasa itu mesti mempunyai analogi yang terdekat dengan kehidupan masyarakatnya. Pemerhatian yang teliti pada alam sekeliling menyebabkan penggunaan perkataan yang mudah dan relevan membantu memudahkan lagi usaha pemprosesan maklumat orang yang mendengar. Kepekaan mereka beranalogi dengan halus dan teliti menyebabkan seolah-olah peribahasa ini sebagai pemandu untuk bertingkah laku dengan cermat sesuai dengan masyarakat Melayu yang mendukungnya.

d) buah macang dimakan kelarah, di luar baik busuk di dalam.

Maknanya:

Orang perempuan yang sudah rosak, hanya kelihatan baik di luar.

¹⁰ Saya memperkatakan masyarakat Melayu dahulu dan sekarang dalam erti kata yang umum. Jika adapun *arrange marriage* ia adalah di antara orang-orang yang khusus seperti golongan Syed dan

Analisisnya:

Buah macang adalah dalam kelompok buah mempelam. Yang berbezanya buah ini daripada buah mangga dan mempelam ialah seratnya yang berurat-urat serta kasar. Ia agak kurang sesuai untuk dimakan sebagai pencuci mulut. Selalunya buah macang dijadikan bahan masakan. Ciri kedua macang ialah, buah ini terlalu mudah diserang kumbang dan akhirnya menghasilkan buah yang busuk. Tetapi yang menariknya pula ialah, kebusukan buah ini tidak boleh dikesan daripada sifat fizikalnya. Maklumat mengenai buah macang ini dipanggil sebagai maklumat konteks. Konteks adalah merupakan pengalaman psikologi dan andaian-andaian awal mengenai apa sahaja yang menyangkut kehidupan seharian yang tentunya dapat membantu manusia memproses ujaran dalam lingkungan konteks yang sama¹¹. Berdasarkan konteks ini, pendengar yang mendengar peribahasa ini akan mengaitkan apakah hubungannya buah macang dengan keadaan perempuan yang telah rosak. Bagaimana mereka boleh bersetuju untuk menganalogikan buah macang dengan makna yang ada sekarang.

Kesan konteks hanya dapat dibina sama ada dengan menggabungkan maklumat, menguatkan maklumat dan menggugurkan maklumat¹². Memandangkan pengalaman mampu menguatkan maklumat yang sedia ada maka kesan konteks boleh dibentuk. Kebusukan buah macang tanpa kesan luaran adalah sama diibaratkan dengan kerosakan seorang gadis. Seorang gadis yang telah rosak tidak akan mempunyai tanda-tanda fizikal. Wajah yang ada tetap sama. Tidak banyak yang boleh diperkatakan tentang kecacatan fizikal seorang gadis yang telah rosak. Mungkin pengalaman hidup bersamanya sahaja yang akan dapat membuktikannya.

Sekali lagi, sungguhpun usaha memproses maklumat peribahasa ini memerlukan dua lapisan maklumat iaitu maklumat tersurat dan tersirat, namun tidak berlaku ketergendalaan dalam berkomunikasi. Ini membuktikan bahawa pemilihan perkataan yang sesuai dengan persekitaran masyarakatnya membantu pendengar memahami apa yang cuba disampaikan tanpa sebarang masalah.

Syarifah, raja-raja pembesar-pembesar Melayu. Pendekatan mereka ialah ingin mengekalkan status keluarga.

¹¹ Untuk mendapatkan definisi konteks yang lebih tepat, sila rujuk Nor Hashimah Jalaluddin dalam Bahasa, Sosialisasi dan Kognisi dalam Jurnal Dewan Bahasa 42 (12).

¹² Sila lihat nota kaki 8.

1.5 Wujudkan Seksis?

Setelah dilihat beberapa contoh peribahasa baik yang tersurat mahupun yang tersirat, memang tidak dapat dinafikan bahawa memang wujud unsur-unsur seksis dalam bahasa Melayu. Peribahasa yang memfokuskan tentang lelaki dan keburukan lelaki memang ada tetapi tidaklah sebanyak yang membincangkan mengenai perempuan. Persoalannya sekarang adakah benar-benar wujudnya seksis sebagaimana di barat terhadap kaum wanita di Malaysia. Adakah diskriminasi dilakukan terhadap kaum wanita di barat turut berlaku di kalangan masyarakat kita. Atau adakah faktor-faktor lain yang menyebabkan kaum wanita dilayan agak berlainan dengan kaum lelaki di kalangan masyarakat Melayu. Kertas ini cuba memberikan satu perspektif timur mengenai seksis dan cuba juga mengaitkan dengan pemikiran masyarakat Melayu itu sendiri.

1.5.1 Melayu dan Sosialisasi

Masyarakat Melayu memang terkenal dengan masyarakat yang sopan, lemah lembut, mesra dan berbudi bahasa. Masyarakat Melayu yang masih hingga ke hari ini mengekalkan ciri-ciri tradisi, masih berpegang kuat dengan nilai-nilai ketimuran. Agama Islam masih menjadi pegangan kukuh malah menjadi sebahagian daripada hidup masyarakat Melayu.

Asas dan nilai keagamaan terpancar pada cara hidup orang-orang Melayu. Ini dapat dikaitkan dengan pendapat Mohamed Mansor Abdullah dalam artikelnya yang bertajuk, *Konsep Malu dan Segan Orang Melayu Berdasarkan Hikayat dan Cerita Melayu Lama* (1993). Menurut Mohamed Mansur, konsep malu dan segan dianggap sebagai nilai yang suci dan murni dan merupakan asas kepercayaan, maka ia diterima oleh masyarakat Melayu sebagai satu nilai mutlak yang luhur dan merupakan maruah bangsanya. Penerimaan konsep begini telah menentukan cara seseorang individu Melayu bertingkah laku dalam amalannya sehari-hari sehingga dapat memperlihatkan nilai yang suci

dan murni dalam seluruh kehidupannya. Justeru itulah orang Melayu menganggapnya sebagai maruah dan kehormatan bangsa. Konsep malu selaras dengan kehendak pengajaran Islam, sebab itulah ia diamalkan.

Pendapat Mohamed Mansur boleh diperkukuhkan lagi dengan pendapat Mohd. Nor Ngah (1985) dalam artikel yang bertajuk, *Islamic World View of Man, Society and Nature among The Malays in Malaysia*. Artikel ini menjelaskan tentang bagaimana persepsi masyarakat Melayu mengenai wanita dan lelaki dan secara tidak langsung mempengaruhi sistem sosialisasi anak-anak ini. Cara didikan seolah-olah menjadi norma sosial yang dipatuhi hingga ke hari ini. Didikan yang berlandaskan adat, agama dan kepercayaan telah melentur persepsi masyarakat sendiri terhadap lelaki dan wanita.

Dalam masyarakat Melayu, seorang wanita dihormati dan dianggap pasangan yang boleh berkongsi kesedihan, kegembiraan, dan masalah temannya. Bila kecil, adalah menjadi tanggungjawab bapa dan keluarga untuk menyara dan dijaga sehingga berkahwin. Selepas berkahwin, tanggungjawab itu dipindahkan ke suami, jika janda, anak-anak pula yang bertanggungjawab memelihara ibunya. Jika tidak mempunyai anak, adalah menjadi tanggungjawab adik beradik lelaki. Dari buaian hinggalah ke liang lahad, perempuan dalam masyarakat Melayu disokong dan dijaga oleh bapa, abang, suami dan anak.

Islam menganggap lelaki dan perempuan sebagai saling melengkapi bukannya sama, ibarat ingin menyamakan bunga ros dengan jasmin. Tiapnya ada warna, bentuk dan kecantikan tersendiri. Perempuan dan lelaki tiapnya ada ciri dan fitur yang tersendiri.

1.5.2 Seksis atau Perlindungan

Berdasarkan kutipan-kutipan di atas, kita seharusnya dapat menanya kembali pada diri kita, adakah benar wujudnya seksis dalam masyarakat Melayu. Jika dilihat dengan mata kasar memang jelas wujud peribahasa yang seolah-olah mendiskriminasikan golongan

wanita. Ditambah pula dengan pendedahan yang amat lambat berbanding dengan anak lelaki zaman dahulu dalam dunia pendidikan. Mengikut J.M.Gullick (1989), dalam bukunya *Malay Society In The Late 19th Century*:

“education for girls made much slower progress. Even if parents could be persuaded to send their young daughters to school, the often took them away at about the age of ten, since this was the time at which it was considered necessary to ‘lock up your daughter’ and keep them secluded until they could be safely married as virgins”.

Pendapat Gullick seolah-olah mengukuhkan lagi bahawa memang benar wujudnya diskriminasi pada kaum wanita.

Berbalik kepada pendapat Mohamed Mansur dan Mohd. Nor Ngah mengenai konsep malu, didikan agama dalam masyarakat Melayu, maka boleh dibuat kesimpulan bahawa peribahasa, pantang larang, pepatah petiti dan segala pengucapan klasik sebenarnya lebih bersifat perlindungan. Dari awal lagi masyarakat Melayu menganggap anak perempuan mesti dilindungi, dari lahir hingga ke liang lahat. Wanita tidak dibiarkan keseorangan untuk menangani masalah keluarga. Lelaki sebagai ketua keluarga yang bakal mengambil sepenuh tanggungjawab pada keluarganya. Lelaki sebagai ketua keluarga yang bakal mengambil sepenuh tanggungjawab pada keluarganya. Anak-anak perempuan ditatang dan dipelihara hingga mereka memastikan anak-anak mereka selamat dikahwinkan dengan kesucian yang terjaga sebagai melambangkan maruah keluarga. Malah dianggap sebagai pelengkap kepada kehidupan lelaki yang sempurna.

Berdasarkan pendapat inilah maka peribahasa yang dilahirkan lebih merupakan panduan kepada ibubapa dalam mendidik anak-anak agar menjadi anak yang sopan, terpelihara kesuciannya dan mempunyai masa depan yang lebih cerah pembelaan hidupnya (yakni bersuami). Sebab itulah peribahasa seperti murai dicabut ekor, bagai cacing gila, kelapa ditebuk tupai, segar dipakai layu dibuang, singa betina, permata cacat, harimau beranak muda, ibu ayam dan sebagainya dihasilkan bukanlah

untuk menghina kaum wanita tetapi untuk mendidik anak-anak supaya jangan sampai dicapkan dengan ciri-ciri di atas. Peribahasa yang melambangkan tentang kehinaan wanita sebenarnya bukan bertujuan menghina wanita tetapi adalah garis panduan bagaimana wanita itu harus dididik berdasarkan norma sosial yang disampaikan melalui peribahasa.

Ini juga berkaitan dengan cara orang Melayu menyampaikan mesej semasa mendidik anak-anak. Kekangan kesopanan menyebabkan lebih banyak pepatah dihasilkan sebagai panduan kepada ibubapa. Adalah agak janggal untuk menyebut ibu pelacur, perempuan tidak berdarah, kerana ini menyalahi norma masyarakat Melayu yang tertutup. Adalah lebih sopan mengatakan permata rosak, ibu ayam sebagai mengalas cakap supaya lebih sopan. Anak gadis yang menjadi tanggungjawab keluarga dianggap sebagai *beban sudah di pintu*¹³ dan menjadi perkara yang amat merunsingkan ibu bapa.

Mengapa pula tiadanya peribahasa yang banyak mengenai kaum lelaki. Umum mengetahui bahawa kaum lelaki jauh lebih garang daripada kaum wanita, tetapi tiada nilai tertentu yang diterapkan. Tiada garis panduan seterperinci kaum wanita, seolah-olah kaum lelaki jauh lebih bebas untuk bertingkah laku. Bagi masyarakat Melayu, lelaki harus lebih bersifat *jantan* kerana dialah bakal ketua keluarga. Anak lelaki mesti lasak.

Jelasnya wujudnya peribahasa¹⁴ yang banyak dalam bahasa Melayu adalah lebih menunjukkan kasih sayang kepada kaum wanita. Bagaimana seorang wanita yang ingin dianggap wanita yang baik seharusnya bertingkah laku dengan tidak cuba melanggar prinsip-prinsip umum masyarakat Melayu itu sendiri. Mereka dinasihatkan supaya menjauhkan diri daripada dilabel dengan label-label yang negatif daripada yang tersenarai daripada peribahasa itu sendiri.

¹³ Maknanya ialah anak gadis yang sudah dewasa.

1.7 Kesimpulan

Seksis yang merupakan ungkapan yang amat popular dewasa ini adalah satu skop kajian yang mencabar minda. Seksis yang dilihat daripada perspektif barat memang wujud. Diskriminasi yang bermula dari zaman dahulu masih terkesan hingga ke hari ini. Diskriminasi ini bukan sahaja dari segi penggunaan bahasa tetapi juga dalam kerjaya mereka. Ini agak berbeza dengan seksis di timur mengikut kaca mata timur. Hasil daripada perbincangan di atas, kita dapati bahawa ada sebab-sebab yang jitu mengapa peribahasa seumpama ini dilahirkan. Dengan mengambil kira budaya dan agama, peribahasa itu dibentuk lebih sebagai garis panduan dalam mendidik anak-anak dan bukannya bertujuan untuk mendiskriminasi.

Satu lagi kesimpulan yang dapat dibuat, ialah, analisis teoretis yang berlandaskan teori relevans dapat membantu mencungkil makna implisit peribahasa itu sendiri. Banyak peribahasa yang menggunakan perkataan yang langsung tidak mencerminkan seksis dapat dicungkil keluar. Bagaimana analogi dibuat dan sekaligus dapat dikaitkan dengan wanita telah diberi penjelasan oleh teori ini.

Akhirnya kajian yang berdasarkan data yang jitu, beserta analisis yang boleh dipertanggungjawabkan kesahihannya, pasti dapat memberikan gambaran yang saintifik pada kajian ini. Dan yang lebih menarik lagi bagaimana perkaitan dengan pemikiran Melayu sedikit sebanyak memberi ruang pada kita untuk berhujah bahawa peribahasa yang sungguhpun melambangkan seksis sebenarnya mempunyai tujuan yang lebih baik dan menyakinkan masyarakat Melayu.

Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

¹⁴ Begitu juga dengan pantang larang di mana pantang larang yang menyangkut kaum wanita jauh lebih panjang senarainya berbanding dengan kaum lelaki. Pewajarannya sama dengan mengapa lebih banyak peribahasa yang dikhususkan untuk kaum wanita.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hussain, 1995. *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Edisi Kedua, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Nor Ngah, 1985. *Islamic World View of Man, Society and Nature Among The Malays in Malaysia*, dalam Mohd. Taib Osman (pyt), *Malaysian World View*, Singapore, Institute of South East Asian Studies. Singapore.
- J.M. Gullick, 1989. *Malay Society In The Late Nineteenth Century*, Singapore, Oxford University Press.
- Mohamed Mansur Abdullah, 1993. *Konsep Malu dan Segan Orang Melayu Berdasarkan Hikayat dan Cerita Melayu Lama*, dalam Abdul Halim Othman, *Psikologi Melayu*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Adnan Mohd. Ariffin, 1992. *Siri Koleksi Warisan*. Tikaman Bahasa, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1992. *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1995. *Bahasa Jual Beli dalam Perniagaan Runcit: Satu Analisis Teori Relevan*, Tesis Ph.D, Kuala Lumpur, Universiti Malaya.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1998. *Bahasa, Kognisi dan Sosialisasi: Satu Pendekatan Teori Relevan*, Jurnal Dewan Bahasa 42 (12), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roksana Bibi Abdullah, 1998. *Unsur-unsur Seksis dalam Bahasa Melayu*. Jurnal Dewan Bahasa 42 (10), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sperber, D. & Wilson, D 1986. *Relevance: Communication and Cognition*, Oxford.,
Basil Blackwell.

Shellabear, W.G., 1961. *Kitab Kiliran Budi*, Singapura, Malaya Publishing House
Limited.

Wilson, D & Sperber, D, 1989. *On Verbal Irony*, dalam UCL Working Papers in
Linguistics, Jilid 1, London, University College London.

Zainal Abidin Ahmad, 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur, Dewan
Bahasa dan Pustaka.